

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Dr M digelar 'Bapa Moden Malaysia'

ALOR STAR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini diberi gelaran 'Bapa Moden Malaysia' oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin.

Gelaran itu diberikan oleh Datuk Seri Syed Nahar ketika berucap di upacara perasmian Bangunan Tunku, bangunan Umno Kedah, oleh Datuk Seri Dr Mahathir di sini hari ini.

Istimewa

Walaupun Menteri Besar tidak menghuraikan sebab-sebab gelaran itu diberi, para pemerhati berkata ia berdasarkan kepada usaha-usaha Perdana Menteri menjadikan Malaysia sebuah negara moden.

"Umpamanya, beliau merupakan orang yang mengilhamkan pembuatan kereta Malaysia di samping bermacam lagi projek yang dapat menja-

dikan Malaysia salah sebuah negara termaju di rantau ini," kata seorang pemimpin Umno negeri.

Ketika gelaran itu dibagikan, kelihatan Datuk Seri Dr Mahathir tersenyum.

Pada masa yang sama juga, Datuk Seri Syed Nahar menyebut bahawa bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj diberi gelaran 'Bapa Kemerdekaan'. Tunku turut hadir di majlis itu.

Bangunan Umno berharga \$8 juta itu juga dinamakan sempena nama Tunku Abdul Rahman.

Datuk Seri Syed Nahar berkata upacara perasmian bangunan itu merupakan satu peristiwa yang istimewa kerana kedua-dua pemimpin negara itu hadir di majlis itu.

"Lagipun, keduanya adalah anak watan Kedah," katanya. — Bernama.